

**Musa Mahu NGO Bantu Lahirkan Modal Insan Berkualiti**  
**Bernama**  
**29 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 29 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman mahu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan yang aktif bagi memacu kecemerlangan pendidikan negara dan melahirkan modal insan yang berkualiti.

Beliau berkata, ini kerana generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara merupakan aset masa hadapan negara.

"Kita perlu menggembeng segala usaha dan tenaga bagi mempersiapkan golongan ini dengan ilmu dan kemahiran.

"Ia bagi melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan mempunyai tahap keintelektualan yang tinggi," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM tahun 2011 anjuran Pemuda Umno Sabah di Kompleks Beli-Belah Suria Sabah, di sini Khais.

Musa turut menyarankan agar program yang menjurus ke arah meningkatkan kesedaran dan motivasi pelajar terus diperhebatkan terutama di kawasan luar bandar.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655686>